

Publication : **Sinar Harian**
Date : 20 July 2014
Section : Bisnes
Page : 58
Headline : Hua yang rekod pendapatan sebanyak rm136.5j ,meningkat 69.6 peratus

Hua Yang rekod pendapatan sebanyak RM136.5j, meningkat 69.6 peratus

HUA Yang Berhad (Hua Yang) mengumumkan keputusan kewangan untuk suku pertama berakhir 30 Jun lalu, dengan merekodkan pendapatan sebanyak RM136.5 juta, suatu peningkatan 69.6 peratus dibandingkan dengan RM80.5 juta pada suku yang sama sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai Hua Yang kini sebanyak RM32.6 juta, iaitu suatu peningkatan sebanyak 96.4 peratus berbanding dengan RM16.6 juta di suku yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Hua Yang, Ho Wen Yan berkata, tahun ini membawa satu lagi pencapaian penting untuk Hua Yang kerana telah



memperbaharui imej korporat dan pada masa yang sama merakamkan keputusan kewangan yang positif.

"Peningkatan pendapatan dan PBT pada suku pertama adalah penanda baik untuk prestasi kewangan kami bagi tahun ini. Dengan adanya pelbagai projek bakal dilancarkan, kami sangat optimistik terhadap penambahan nilai untuk pemegang saham dengan memastikan projek kami disiapkan mengikut masa dan memenuhi kehendak pembeli rumah,

serta terus mengembangkan perniagaan kami," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, Hua Yang akan terus melancarkan beberapa projek pada 2015 dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.1 bilion.

Katanya, Hua Yang yakin dengan pengejalan momentum jualan pembangunan terhadap perumahan mampu milik dan akan bertumpu kepada tiga kawasan khusus iaitu di Lembah Klang, Johor dan Perak.

"Di Johor Bahru, projek Citywoods mempunyai GDV sebanyak RM216 juta, manakala The Gardens @ Polo

Park dengan GDV RM64 juta, dan Taman Pulai Indah dengan GDV RM26 juta.

"Taman Pulai Hijauan pula merupakan sebuah pembangunan bandar bercampur dengan 10 fasa pembangunan yang merangkumi rumah teres dan berkelompok, berkembar dan kedai dengan jumlah GDV dianggarkan bernilai RM127 juta untuk 2015," katanya.

Baru-baru ini, Hua Yang menjalani pengubahsuaian imej yang merangkumi perekaan semula logo Hua Yang serta mentakrifkan semula posisi penjenamaan dengan tujuan menguatkan dan mengembangkan

lagi posisi mereka dalam pasaran perumahan mampu milik.

"Bergabung dengan strategi penjenamaan kami yang baharu, serta pengembangan populasi yang meningkat, kami secara aktif sedang mencari peluang untuk memenuhi semula simpanan tanah kami.

"Walaupun sentimen pasaran pada masa ini berhati-hati terhadap sektor perumahan, kami telah melihat bahawa segmen perumahan kian mantap dan disokong oleh permintaan dari pembeli rumah kali pertama. Oleh itu, ia masih lagi kekal sebagai fokus pembangunan Hua Yang," katanya.